

**PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI KBSM MENERUSI WATAK
UTAMA DALAM TEKS KOMSAS NOVEL TIRANI**
*[THE APPLIED OF MORAL VALUES THROUGH THE MAIN
CHARACTER IN THE NOVEL OF TIRANI]*

*Nurul Raihana Binti Abdullah**

Norila Binti Md Salleh

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*annraihana@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang 16 nilai murni Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang terkandung dalam novel Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5 berjudul Tirani. Novel Tirani hasil karya BebSabariah ini digunakan di semua sekolah menengah di Zon II iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebanyak 16 nilai murni KBSM dianalisis menerusi watak utamanya iaitu Waheeda untuk mengenal pasti sama ada kandungan teks menepati kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari aspek afektif, malah diuji kesesuaiannya dengan tuntutan pembinaan sesebuah kurikulum yang sangat menitikberatkan soal kerelevanan kandungan mata pelajaran demi mencapai objektif pendidikan yang sebenar. Set pengukuran nilai murni Tiga Dimensi Etika Utama yang terdiri daripada dimensi pentaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dijadikan panduan

kajian untuk mengkategorikan nilai-nilai murni KBSM mengikut hierarki.

Kata Kunci: Novel KOMSAS, Nilai Murni KBSM, Tiga Dimensi Etika Utama, Pentaakulan Moral, Perasaan Moral, Perlakuan Moral.

Abstract

This article studies about all 16 noble values of Integrated Curriculum for Secondary School (KBSM) which consisting in Literature Component for Form 5 Malay Language novel, Tirani. This novel was authored by Beb Sabariah and had been used by all secondary students from Zone II states, which are Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Putrajaya. Through the main character of this novel, Waheeda, all these 16 noble values has been completely analysed in order to identify either the content of this novel able to meet the requirement of National Education Philosophy (FPK). It also has been evaluated to determine the compatibility of this novel to reach the true objective in education system. The 3 Dimension of Main Etiquettes consists of moral reasoning dimension, moral feeling dimension and moral behaviour dimension. All these three moral dimension has been used as a standard reference guidance in order to categorize each of the noble value accordingly.

Keywords: Literature novel, Integrated Curriculum For Secondary School (KBSM) Noble values, 3 Dimensions of Main Etiquettes, Moral reasoning, Moral Feeling, Moral behaviour.

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah digubal sangat menekankan tentang pembinaan modal insan yang berteraskan kepada pembangunan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kesemua aspek ini merangkumi tiga domain utama dalam perkembangan manusia iaitu domain kognitif, domain

psikomotor, dan domain afektif. Menurut Bloom, Krathwohl, dan Masia (1984), Taksonomi Bloom merupakan suatu bentuk klasifikasi yang penting dalam pembelajaran yang diperkenalkan oleh ahli psikologi pendidikan, Benjamin Bloom. Domain afektif melibatkan aspek perasaan, sikap dan peribadi yang seimbang. Domain afektif disampaikan secara langsung menerusi mata pelajaran seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik, dan Pendidikan Islam. Komponen Kesusasteraan (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan antara mata pelajaran yang mempunyai ruang yang paling luas untuk menjayakan hasrat penerapan nilai-nilai murni sama ada secara langsung atau tidak langsung. Karya-karya sastera memaparkan pengalaman dan kehidupan manusia serta menyerlahkan mesej yang tertentu, yang mencerminkan falsafah dan pandangan hidup tertentu. Nilai-nilai murni yang ingin diterapkan perlu diterjemahkan dalam bentuk penghayatan dalam kalangan pelajar sekolah melalui pelbagai aktiviti yang sesuai, sama ada dalam bentuk perbincangan, penilaian, kritikan, penghayatan, iktibar, renungan, pengamatan dan sebagainya. Domain afektif yang melibatkan emosi dan rohani selaras dengan matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu ini sangat jelas memenuhi dua daripada empat keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengutamakan asas pembangunan iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam setiap diri pelajar demi melahirkan individu yang berkebolehan secara seimbang dan holistik.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Aspek rohani dan aspek emosi sangat penting dalam kurikulum semua bidang mata pelajaran kerana aspek rohani dan aspek emosi memainkan peranan penting dalam pembentukan warganegara Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri seperti yang digagaskan dalam Wawasan 2020. Penerapan nilai-nilai murni secara langsung adalah melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran. Nilai-nilai murni

disampaikan secara tidak langsung melalui penerapan nilai-nilai murni menerusi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Melayu, selain daripada memupuk minat membaca dan memperkukuh kemahiran berbahasa, KOMSAS juga berperanan dalam pembentukan sahsiah pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a). Pembentukan sahsiah pelajar dilaksanakan menerusi penerapan nilai-nilai murni secara langsung menerusi teks novel KOMSAS. Pelaksanaan domain afektif ini adalah selaras dengan matlamat pendidikan Kesusasteraan Melayu:

“Pembelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang unsur-unsur kesusasteraan dan nilai-nilai murni agar mereka dapat menghayati dan menghargai bahasa, kesusasteraan dan nilai masyarakat Melayu. Melalui bahan sastera dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, para pelajar akan dididik untuk berfikir secara analitis, kritis dan kreatif. Selanjutnya diharapkan mereka akan mampu meningkatkan keupayaan berbahasa dan membina kepekaan estetik apabila membaca dan mengkaji hasil sastera Melayu.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, Sukatan Pelajaran KBSM: Kesusasteraan Melayu, 2008).

Novel yang menggunakan kaedah penceritaan atau fiksiyen mengandungi nilai-nilai murni yang perlu dianalisis oleh para pelajar. Contohnya, nilai baik hati dapat diterapkan kepada pelajar menerusi nilai baik hati dalam ilustrasi watak yang digambarkan oleh penulis. Secara langsung pelajar akan membaca, menghayati dan dipupuk untuk mencontohi nilai baik hati tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Pada awal Januari tahun 2016, novel Pantai Kasih, karya AzmahNordin yang digunakan sebagai bahan pembelajaran dan pengajaran Kesusasteraan (KOMSAS) Tingkatan 4 bagi zon III iaitu di Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan menjadi pertikaian rakyat Malaysia apabila seorang guru memuat naik petikan novel yang dikatakan berunsur lucah di laman sosial. Akhirnya, pada Februari 2016 bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia memutuskan, novel Pantai Kasih perlu diteruskan penggunaannya kerana ayat-ayat lucah yang mencetuskan kemarahan ibu bapa dan guru-guru sebelum ini hanyalah sebahagian daripada aspek keindahan bahasa, kosa kata dan tata bahasa. Keputusan itu telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak menerusi beberapa siri perbincangan bersama panel penilai termasuk para pensyarah, penggiat bahasa dan kesusasteraan.

Perbincangan tersebut telah merumuskan bahawa novel ini dapat merangsang pelajar untuk berfikir secara matang dan rasional dalam membuat justifikasi. Hal ini demikian kerana ayat-ayat yang dikatakan lucah dalam novel tersebut hanyalah gaya penulisan digunakan dalam novel itu mempunyai elemen pendidikan seks seperti yang terkandung dalam mata pelajaran lain iaitu Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, namun diungkapkan dalam bentuk kesusasteraan (Abdul Halim Ali, 2016). Oleh hal yang demikian, sehingga hari ini, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak pernah mengeluarkan sebarang surat pekeliling untuk menghentikan penggunaan novel Pantai Kasih. Maka, penggunaan novel tersebut sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dijalankan seperti biasa. Abdul Rahim Aroff (1999) telah menetapkan bahawa kemoralan seseorang diperakui apabila seseorang itu menepati Tiga Dimensi Etika Utama iaitu pentaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Ketiga-tiga Dimensi Etika Utama ini merangkumi tiga aspek penting dalam kurikulum kebangsaan

iaitu aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pentaakulan moral mewakili aspek kognitif, perasaan moral mewakili aspek afektif manakala perlakuan moral mewakili aspek psikomotor. Abdul Rahman Aroff menjadikan Tiga Dimensi Etika Utama untuk mengukur nilai diri seseorang individu. Walau bagaimanapun, tiada kriteria yang jelas yang dikenakan sebagai syarat ke atas novel-novel KOMSAS yang dicalonkan kerana menurut Abdul Halim Ali (2016), novel-novel yang dicalonkan hanya dinilai secara subjektif dan dipersetujui secara konsensus. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk menggunakan Tiga Dimensi Etika Utama ini untuk menilai sesebuah novel sebelum memperakui bahan tersebut sebagai bahan bacaan yang benar-benar bermoral dan layak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS.

Selain itu, pengkaji berhasrat untuk menggunakan 16 nilai murni yang digariskan dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) sebagai sebuah set senarai semak dalam penyelidikan ini iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat (Musa Daia, 1993).Pengkaji terpanggil untuk memanfaatkannya sebagai senarai semak dalam penyelidikan ini kerana kewujudan kajian yang menggunakannya sebagai syarat khas dalam pemilihan mana-mana teks novel KOMSAS tidak dapat dipastikan. Tambahan pula, para panel penilai novel KOMSAS mengenal pasti nilai-nilai murni secara rambang dan subjektif semata-mata tanpa dibekalkan sebarang instrumen yang khas untuk mengenal pasti 16 nilai-nilai murni tersebut secara terperinci (Abdul Halim Ali, 2016). Dengan menggunakan dua jenis senarai semak iaitu Tiga Dimensi Etika Utama dan 16 nilai-nilai murni KBSM ini, pengkaji berharap nilai-nilai murni yang diterapkan dalam novel KOMSAS Tirani dapat dikenal pasti dengan jauh lebih jelas.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengenal pasti nilai-nilai murni KBSM yang terdapat dalam novel KOMSAS Tirani yang ditonjolkan oleh watak utama.
2. Untuk mengenal pasti nilai-nilai murni KBSM yang terdapat dalam novel KOMSAS Tirani yang ditonjolkan oleh watak utama dari sudut Tiga Dimensi Etika Utama.
3. Untuk mendapatkan gambaran tahap dominasi bagi nilai-nilai murni KBSM menerusi watak utama dalam novel Tirani.

SOROTAN LITERATUR

Nilai-Nilai Murni Dalam Kurikulum

Terdapat tiga aspek penting yang digariskan oleh kurikulum kebangsaan dalam sesebuah kurikulum iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Menerusi bidang KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu, aspek afektif ini disampaikan secara langsung melalui penggunaan sumber teks yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan turut disampaikan secara tidak langsung dalam penerapan nilai-nilai murni. Keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPK akan dapat dicapai sekiranya 16 nilai murni yang disarankan dapat direalisasikan melalui kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya menerusi pembelajaran dan pengajaran novel-novel KOMSAS. 16 nilai murni tersebut ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kejujuran, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat. Berikut merupakan contoh kewujudan salah satu nilai murni KBSM iaitu nilai berdikari menerusi watak utama dalam petikan KOMSAS Tirani:

Kita tidak akan menemui sesuatu tanpa mencari sesuatu, fikir Waheedamenyakini dirinya tentang usaha yang sedang dilakukan dalam memanfaatkan keboleh-upayaan diri. Waheeda yakin.

(BebSabariah, 2008, hal. 11)

Penerapan Nilai Murni Berdasarkan Tiga Dimensi Etika Utama

Penelitian teks KOMSAS Tirani tidak semata-mata merujuk kepada 16 Nilai Murni KBSM. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai murni yang diterapkan dalam novel KOMSAS hendaklah menepati tahap pencapaian nilai yang tertinggi selaras dengan kelayakannya sebagai novel KOMSAS yang berpengaruh besar membentuk nilai dalam diri pelajar. Oleh itu, Tiga Dimensi Etika Utama diketengahkan sebagai sebuah set pengukuran nilai-nilai murni yang terdapat dalam novel-novel KOMSAS. Set pengukuran nilai yang terdiri daripada pentaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral ini berasal daripada sebuah pengukuran untuk menilai tahap kemoralan manusia.

Menurut Abdul Rahman Aroff (1999), kemoralan seseorang diperakui apabila seseorang itu menepati ketiga-tiga dimensi etika utama iaitu pentaakulan moral, perasaan moral atau perlakuan moral. Ketiga-tiga dimensi etika utama ini merangkumi tiga aspek penting dalam kurikulum Malaysia iaitu aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Pentaakulan moral mewakili aspek kognitif, perasaan moral mewakili aspek afektif manakala perlakuan moral mewakili aspek psikomotor. Oleh itu, amatlah wajar Tiga Dimensi Etika Utama ini dijadikan panduan untuk menilai nilai-nilai murni yang terkandung dalam teks memandangkan ketiga-tiga aspek yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menjadi keutamaan. Jadual 1 menunjukkan Tiga Dimensi Etika Utama bersama-sama takrifannya.

Jadual 1: *Jadual Tiga Dimensi Etika Utama*

Tiga Dimensi Etika Utama	Maksud
Pentaakulan Moral	Pemikiran moral dan pertimbangan yang dibuat secara rasional dan bebas.
Perasaan Moral	Kehalusan emosi individu membawa kepada tindakan yang bermoral.
Perlakuan Moral	Tindakan moral ini adalah hasil daripada pemikiran moral dan perasaan moral yang mendorong seseorang bertindak secara bermoral.

Sumber daripada Abdul Rahman Aroff (1999). *Panduan pendidikan moral: teori etika dan amalan moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pentaakulan Moral

Pentaakulan moral turut disebut sebagai pemikiran moral dan pertimbangan yang dibuat secara rasional dan bebas. Ini bermaksud seseorang individu yang mempunyai pemikiran moral dapat memikirkan sesuatu dilema moral dan membuat pertimbangan berasaskan prinsip moral dan nilai-nilai moral yang diterima oleh masyarakat setempat. Prinsip keadilan diutamakan semasa membuat sesuatu keputusan. Pentaakulan moral juga boleh dikaitkan dengan membuat keputusan secara rasional berasaskan fakta tanpa dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran. Watak Waheeda dalam novel ini menonjolkan pemikiran yang rasional ketika dia teringat akan pengalamannya sewaktu kecil yang sering diejek oleh rakan sekelasnya hanya kerana dia memiliki wajah yang hodoh. Berikut merupakan bukti

kewujudan nilai rasional dalam dimensi pentaakulan moral menerusi watak utama dalam petikan KOMSAS *Tirani*:

“Kekurangan yang disedari secara bijaksana dapat menjadi pendorong yang tidak terduga.” Tiba-tiba Waheeda menyuarakan satu ungkapan kata-kata hikmat daripada diari Muslimah miliknya, yang sering ditatap, disimpan dan menjadi perangsang kepadanya.

(BebSabariah, 2008:5).

Perasaan Moral

Dimensi kedua ini merupakan kehalusan emosi individu yang mengandungi sentimen, empati, simpati, prihatin, belas kasihan, bermotivasi dan murah hati. Perasaan yang bermoral ini membawa kepada tindakan yang bermoral. Perasaan ini akan membawa kepada perlakuan individu secara moral. Oleh itu, emosi moral ini adalah penting untuk mengawal perlakuan, menghalang seseorang individu membuat sesuatu yang bersifat anti sosial. Berikut merupakan contoh kewujudan nilai kesyukuran yang dinyatakan secara langsung oleh Beb Sabariah dalam dimensi perasaan moral menerusi watak utama dalam petikan KOMSAS *Tirani*:

Waheeda amat mensyukuri pertemuan dengan orang daripada pelbagai latar kehidupan sepanjang berada di Singapura

(BebSabariah, 2008:112).

Perlakuan Moral

Perlakuan moral merupakan tingkah laku dan perlakuan individu terhadap semua keputusan yang ditunjukkan

dengan penuh tanggungjawab tetapi mengikut kemampuan dirinya. Tindakan moral ini adalah hasil daripada pemikiran moral dan perasaan moral yang mendorong seseorang bertindak secara bermoral. Dalam novel Tirani, watak utamanya iaitu Waheeda menunjukkan nilai keberanian dan nilai ini dapat dikenal pasti menerusi perlakuan moralnya ketika mengambil risiko memutuskan untuk bersetuju menjalani pembedahan wajahnya akibat kemalangan. Berikut merupakan buktikewujudan nilai keberanian dalam dimensi perlakuan moral menerusi watak utama dalam petikan KOMSAS Tirani:

Waheeda telah pun menyetujui pembedahan sekali jalan. Dia sudah pun membulatkan tekad. Tidak ada persoalan lagi, tiada resah dan tiada gelisah

(BebSabariah, 2008:69).

KAJIAN-KAJIAN YANG TERDAHULU

Rozana Mohamed Zawawi (2002) telah menjalankan suatu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung di dalam novel Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah. Selain itu, kajian ini juga turut bertujuan untuk mengetahui kesan genre novel KOMSAS ke atas pelajar sekaligus menilai perkaitan dan keberkesanan nilai murni di dalam novel tersebut dalam membentuk sahsiah pelajar. Kajian yang menggunakan kaedah soal selidik ini melibatkan dua orang guru dan 62 orang pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Awah (SMKKA), Maran, Pahang sebagai responden.

Seramai 82peratus responden bersetuju dipengaruhi oleh sifat positif yang ditonjolkan oleh setiap watak dalam novel Seteguh karang dan sebanyak 16 nilai murni yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan diperakui didapati dalam novel ini. Normie Anak Saba (2002) pula telah menjalankan

kajian yang bertujuan untuk mengetahui keupayaan nilai murni yang terdapat dalam novel Terminal Tiga karya Othman Puteh dalam pembentukan sahsiah pelajar Tingkatan 4 di sekolah SMK Sedaya dan SMK RosliDhoby yang terletak di negeri Sarawak. Kajian yang menggunakan kaedah soal selidik ini melibatkan 100 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 di kedua-dua buah sekolah tersebut. Dapatan kajian telah membuktikan nilai-nilai yang paling menonjol yang dipersetujui oleh majoriti pelajar ialah nilai bertanggungjawab, nilai menghormati orang tua, dan nilai toleransi kepada orang lain. NurulRaihana Abdullah (2015) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti sejauh manakah nilai murni kategori utama dan nilai murni subkategori merentas kurikulum dalam Novel Bagaikan Puteri melalui penonjolan watak utama pada setiap bab. Selain itu, kajian tersebut juga bertujuan untuk mengenal pasti nilai yang dominan ditonjolkan melalui watak utama dalam novel tersebut. Kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen ini hanya menggunakan sebuah novel popular sebagai bahan kajian iaitu novel Bagaikan Puteri dan hanya mengkaji 16 nilai murni dalam watak utamanya sahaja iaitu Laksamana Sunan. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan nilai tertinggi dalam novel ini ialah nilai murni kebersihan mental/fizikal iaitu sebanyak 11.7peratus manakala pencapaian yang terendah diwakili oleh nilai murni kerajinan iaitu sebanyak 2.5peratus.

Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015), telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesopanan bahasa yang dipaparkan dalam novel Melunas Rindu, iaitu novel KOMSAS untuk para pelajar Tingkatan 4 di Zon 4 (negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Kajian ditumpukan pada dialog watak utama dan watak sampingan dalam Bab 5 novel ini. Dialog yang menjadi data kajian dianalisis berdasarkan model kesopanan Leech dan model kesopanan Grice. Kedua-dua model ini mengemukakan maksim kesopanan yang perlu dipatuhi bagi mewujudkan situasi bebas konflik.

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, analisis teks dan kuantitatif. Berdasarkan pengklasifikasian dan analisis yang dilakukan, dapatan kajian memperlihatkan hanya empat daripada enam maksim Leech dan dua maksim Grice yang dipatuhi. Novel ini memaparkan kesopanan bahasa yang dominan berdasarkan paparan analisis kesopanan maksim Leech dan Grice yang sekali gus menggambarkan sosiobudaya Melayu.

METODOLOGI

Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen yang mengkaji teks KOMSAS Tingkatan Lima berjudul Tirani yang digunakan di semua sekolah menengah seluruh Zon IliaituNegeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 2016 (Kementerian PendidikanMalaysia, 2015).Menurut Ratna (2004), apabila penyelidik berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam sebarang dokumen, reka bentuk kajian ini dikenali sebagai analisis konten atau analisis dokumen. Pengkaji pula hanya menumpukan analisis ke atas novel Tirani sahaja. Menurut NazarudinZainun, Rahmah A. Hamid, dan MohdKipli Rahman (2015), instrumen kajian merupakan peralatan yang digunakan ketika menjalankan sesuatu penyelidikan di sesebuah kawasan. Terdapat tiga jenis instrumen atau senarai semak yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu:

- i) Jadual Nilai-nilai Murni Menerusi Watak Utama Mengikut Tiga Dimensi Etika Utama
- ii) Jadual Penerapan Keseluruhan 16 Nilai Murni Menerusi Watak Utama Mengikut Tiga Dimensi Etika Utama
- iii) Jadual Perbandingan Penerapan 16 Nilai Murni Menerusi Watak Utama

Senarai semak ini adalah berdasarkan pengubahsuaian instrumen oleh NurulRaihana Abdullah (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Menerusi Watak Laksamana Sunan dalam novel Bagaikan Puteri. Tujuan pengubahsuaian ini adalah untuk memenuhi keperluan kajian yang dilaksanakan. Jadual Nilai-nilai Murni Menerusi Watak Utama Mengikut Tiga Dimensi Etika Utama merupakan senarai semak yang digunakan ke atas watak utama dalam novel KOMSAS Tingkatan Lima berjudul Tirani. Setiap pemikiran, perasaan, dan perlakuan yang menonjolkan nilai-nilai murni oleh watak utama akan dicatat dalam jadual tersebut mengikut jenis moral yang ditonjolkan sama ada pentaakulan moral, perasaan moral, dan perlakuan moral berdasarkan takrifan Tiga Dimensi Etika Utama oleh Abdul Rahman Aroff (1999). Pengkaji telah menelusuri setiap petikan, diksi, dialog, monolog dalaman, monolog luaran atau apa-apa penerangan yang berkaitan dengan 16 nilai murni yang ditonjolkan menerusi watak Waheeda sama ada secara tersirat atau tersurat. Ruangan dalam senarai semak ini hanya digunakan untuk mencatat satu gundal (/) mewakili satu kekerapan mana-mana 16 nilai murni sekaligus mewakili mana-mana 1 daripada Tiga Dimensi Etika Utama. Kaedah ini akan diulang-ulang setiap kali pengkaji dapat mengenal pasti nilai-nilai murni yang seterusnya dalam novel Tirani mengikut bab.

Menerusi Jadual Penerapan Keseluruhan 16 Nilai Murni Menerusi Watak Utama dalam Mengikut Tiga Dimensi Etika Utama, pengkaji melihat penerapan nilai-nilai murni secara keseluruhan menerusi watak utama dalam novel Tirani. Nilai-nilai murni yang dikenal pasti adalah nilai-nilai murni yang merentas Tiga Dimensi Etika Utama iaitu sama ada pentaakulan moral, perasaan moral atau perlakuan moral.

Jadual Perbandingan Penerapan 16 Nilai Murni Menerusi Watak Utama pula berfungsi untuk membandingkan data keseluruhan dari segi jumlah kekerapan nilai-nilai murni berdasarkan Tiga Dimensi Etika Utama. Hal ini bermaksud selain

dapat mengenal pasti kekerapan pentaakulan moral, perasaan moral atau perlakuan moral yang telah diilustrasikan, pengkaji dapat melihat jumlah kekerapan Tiga Dimensi Utama ini secara keseluruhan dalam novel tersebut. Kesemua 16 nilai murni juga dapat dikenal pasti menerusi ruangan kekerapan masing-masing. Jadual ini menyediakan ruangan untuk mengenal pasti jumlah keseluruhan kekerapan nilai-nilai murni. Melalui perbandingan ini, pengkaji dapat merumuskan nilai murni yang paling kerap atau paling tidak menonjol mengikut tingkat dominasi masing-masing yang ditonjolkan dalam watak Waheeda.

Kerangka Teori

Kajian ini adalah berlandaskan Model Kurikulum Tyler (1949) dan Model Penilaian Kurikulum Stufflebeam (1985) yang hanya berkisar tentang pengalaman pembelajaran seperti kemudahan yang digunakan ketika belajar. Novel Tirani merupakan bahan pembelajaran yang menjadi salah satu contoh aspek “input” atau “pengalaman” yang dituntut dalam kurikulum yang sebenar. Kajian ini meneliti sama ada “input” atau “pengalaman” yang digunakan dalam pembelajaran KOMSAS Tingkatan 5 relevan dengan kehendak matlamat mata pelajaran yang telah dibina selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari sudut penekanan aspek afektif.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Bahagian ini memaparkan data empirikal hasil analisis ke atas dokumen yang telah dijalankan.

1. Apakah nilai-nilai murni KBSM yang terdapat dalam novel KOMSAS Tirani yang ditonjolkan oleh watak utama ?

Jadual 1

Nilai-nilai Murni KBSM dalam Novel Tirani

Bab	Nilai (/16)	Bab	Nilai (/16)
1	6	12	3
2	2	13	2
3	4	14	1
4	4	15	2
5	7	16	4
6	4	17	6
7	0	18	7
8	4	19	5
9	6	20	3
10	2	21	7
11	2	22	7

Watak utama yang dikaji dalam novel Tirani ialah watak Waheeda yang terdapat dalam 22 bab. Berdasarkan Jadual 1, nilai-nilai murni yang dapat dikenal pasti dalam bab 1 adalah sebanyak 6 nilai iaitu kebersihan mental/fizikal, kerajinan, keadilan, kesederhanaan, kesyukuran dan rasional. Waheeda hanya menonjolkan sebanyak 2 nilai dalam bab 2 iaitu nilai keberanian dan rasional. Dalam bab 3 pula sebanyak 4 nilai diperlihatkan oleh watak utama iaitu nilai baik hati, kasih sayang, kebersihan mental/fizikal dan rasional. Dalam bab 4, terdapat 4 nilai murni yang dapat dikenal pasti iaitu nilai baik hati, kasih sayang, kebersihan mental/fizikal dan rasional. Dalam bab 5, sebanyak 7 nilai murni yang dapat dibuktikan iaitu nilai baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kerajinan, dan rasional. Menerusi bab 6 dalam novel Tirani telah memaparkan sebanyak 4 nilai murni iaitu nilai kasih sayang, kebersihan mental/fizikal, kesyukuran dan rasional. Watak Waheeda kurang ditonjolkan oleh penulis dalam bab 7. Oleh hal yang demikian, nilai murni menerusi

watak utama tidak dapat dikenal pasti dalam bab ini. Bab 8 dalam novel Tirani telah membuktikan sebanyak 4 nilai iaitu nilai kasih sayang, kebebasan, kerajinan dan rasional. Dalam bab 9, nilai murni yang dapat dikenal pasti adalah sebanyak 6 nilai iaitu nilai hemah tinggi, kasih sayang, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kerajinan dan kesyukuran.

Menerusi bab 10 dan bab 11, hanya 2 nilai yang dapat dikenal pasti menerusi watak Waheeda. Bab 10 memaparkan nilai kebebasan dan keberanian manakala bab 11 menonjolkan nilai hormat-menghormati dan kesederhanaan. Dalam bab 12 pula, terdapat 3 nilai yang diketengahkan iaitu nilai hemah tinggi, kasih sayang, dan nilai rasional. Terdapat 2 nilai sahaja yang diperlihatkan oleh watak Waheeda dalam bab 13 iaitu nilai baik hati dan nilai rasional. Watak Waheeda kurang memainkan peranannya dalam bab 14.

Oleh sebab itu, hanya 1 nilai dapat dikenal pasti dalam bab ini iaitu nilai semangat bermasyarakat. Menerusi bab 15, sebanyak 2 nilai yang dapat dilihat iaitu nilai kebersihan mental/fizikal serta nilai kesyukuran. Dalam bab 16 pula, sebanyak 4 nilai murni ditonjolkan iaitu nilai berdikari, keberanian, keadilan, dan rasional. Dalam bab 17, terdapat 6 nilai yang dapat dikenal pasti iaitu nilai berdikari, kasih sayang, kebebasan, kejujuran, kerajinan dan rasional.

Watak Waheeda dalam bab 18 pula memperlihatkan sebanyak 7 nilai murni iaitu nilai hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, kebersihan mental/fizikal, kerajinan, kesyukuran dan rasional. Sebanyak 5 nilai yang ditonjolkan oleh watak utama dalam bab 19 iaitu baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, keadilan dan rasional. Bab 20 dalam novel Tirani hanya memperlihatkan 3 nilai menerusi watak utama iaitu kejujuran, keadilan dan rasional. Bab 21 pula memaparkan sebanyak 7 nilai iaitu berdikari, hormat-menghormati, kasih sayang, keberanian, kerajinan, kesyukuran dan rasional. Dalam bab 22, sebanyak 7 nilai yang dipaparkan iaitu nilai hemah tinggi, kasih sayang, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran

dan rasional. Hanya terdapat 1 nilai yang diilustrasi oleh penulis ke atas watak Waheeda dalam bab 23 dan 24 . Nilai kasih sayang mewakili bab 23 manakala nilai kesyukuran mewakili bab 24. Persoalan kajian yang kedua dan ketiga dapat dijawab menerusi Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2: Data Keseluruhan Novel *Tirani*

16 Nilai Murni KBSM	Novel Zon II						
	3 Dimensi Etika Utama						Nilai (N)
	PT M (f)	Nilai KBS M	PRM (f)	Nilai KBS M	PTM (f)	Nilai KBSM	
Baik Hati	0		3	/	2	/	
Berdikari	1	/	0		3	/	4
Hemah Tinggi	0		0		7	/	7
Hormat Menghormati	0		0		6	/	6
Kasih Sayang	2	/	4	/	6	/	12
Keadilan	1	/	2	/	6	/	9
Kebebasan	2	/	0		1	/	3
Keberanian	5	/	2	/	2	/	9
Kebersihan Mental/Fizikal	7	/	2	/	2	/	11
Kejujuran	0		0		2	/	2
Kerajinan	3	/	0		10	/	13
Kerjasama	0		0		1	/	1
Kesederhanaan	0		0		3	/	3
Kesyukuran	1	/	4	/	2	/	7
Rasional	8	/	3	/	9	/	20
Semangat Bermasyarakat	0		0		1	/	1
3 Dimensi Etika Utama (N)	30	9	20	7	63	16	113

&

Nilai Murni dalam
Novel (N)

2. Apakah nilai-nilai murni KBSM yang terdapat novel KOMSAS Tirani yang ditonjolkan oleh watak utama dari sudut Tiga Dimensi Etika Utama?

Penyelidik mendapati watak Waheeda telah berjaya menonjolkan 9 nilai murni daripada 16 nilai murni KBSM dari sudut pentaakulan moral. Nilai-nilai murni tersebut ialah berdikari, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kerajinan, kesyukuran, dan rasional. Nilai murni yang tidak dapat dikenal pasti bagi dimensi pentaakulan moral ini ialah baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kejujuran, kerjasama dan semangat bermasyarakat. 9 nilai murni yang tersebut telah diulang-ulang penggunaannya menerusi dimensi pentaakulan moral dalam watak Waheeda dalam keseluruhan novel menyebabkan kekerapan keseluruhan yang dicatatkan untuk dimensi pentaakulan moral adalah sebanyak 30 kali.

Merujuk Jadual 2, sebanyak 7 nilai murni daripada 16 nilai murni KBSM yang dijadikan medium penulis untuk menyampaikan mesej yang baik dalam dimensi perasaan moral iaitu nilai baik hati, kasih sayang, keadilan, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kesyukuran dan rasional. Nilai-nilai yang tidak disentuh dalam dimensi ini ialah nilai berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kebebasan, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, dan semangat bermasyarakat. 7 nilai murni yang tersebut telah diaplikasi secara berkali-kali menerusi dimensi perasaan moral dalam watak Waheeda dalam keseluruhan novel menyebabkan kekerapan keseluruhan yang dicatatkan untuk dimensi perasaan moral adalah sebanyak 20 kali.

Berdasarkan Jadual 2, dimensi perlakuan moral dalam novel Tirani menunjukkan kewujudan keseluruhan nilai-nilai

murni KBSM yang dikenal pasti menerusi watak utamanya iaitu watak Waheeda. Semua nilai murni tersebut ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan mental/fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat. Memandangkan semua 16 nilai murni KBSM telah diaplikasikan dalam dimensi perlakuan moral, catatan nilai yang tidak berkaitan dengan dimensi ini adalah sifar. Kesemua nilai murni KBSM tersebut telah diilustrasi oleh penulis, Bebsabariah secara kerap dalam keseluruhan novel menerusi dimensi perasaan moral bagi watak Waheeda menyebabkan kekerapan keseluruhan yang dicatatkan untuk dimensi perlakuan moral adalah sebanyak 63 kali.

3. Bagaimanakah tahap dominasi nilai-nilai murni KBSM menerusi watak utama dalam novel Tirani?

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhannya, watak Waheeda berjaya menonjolkan sebanyak 113 kali kekerapan penonjolan nilai-nilai murni KBSM menerusi teks novel yang mempersembahkan karakternya dalam pelbagai gaya penulisan termasuklah diksi, dialog, monolog dalaman atau apa-apa sahaja bentuk teks yang menghuraikan tentang nilai-nilai murni yang berkaitan dengan dirinya.

Nilai murni KBSM yang paling dominan menerusi watak Waheeda ialah nilai rasional iaitu sebanyak 20 kekerapan. Nilai murni yang mencatatkan kekerapan kedua tertinggi ialah nilai kerajinan iaitu sebanyak 13 kekerapan. Seterusnya diikuti oleh nilai kasih sayang yang mewakili sebanyak 12 kekerapan sebagai yang ketiga tertinggi. Tempat keempat dicatat oleh nilai kebersihan mental/fizikal yang mewakili 11 kekerapan. Kemudian diikuti oleh tempat kelima yang dikongsi oleh nilai keadilan dan keberanian kerana masing-masing mencatatkan sebanyak 9 kekerapan. Bagi tangga yang keenam, nilai hemah tinggi dan nilai kesyukuran mencatatkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 7 kekerapan. Untuk tangga yang ketujuh, nilai hormat-menghormati mewakili sebanyak 6 kekerapan.

Nilai baik hati pula merekodkan sebanyak 5 kekerapan untuk tangga yang kelapan. Bagi tangga kesembilan, nilai berdikari mencatatkan sebanyak 4 kekerapan. Nilai kebebasan dan nilai kesederhanaan pula berkongsi tangga yang kesepuluh kerana kedua-duanya mencatatkan sebanyak 3 kekerapan. Tangga yang kesebelas direkodkan oleh nilai kejujuran yang mencatatkan sebanyak 2 kekerapan manakala nilai yang paling rendah mencatatkan kekerapan ialah nilai kerjasama dan semangat bermasyarakat kerana masing-masing hanya merekodkan 1 kali penonjolan menerusi watak utamanya.

Apabila Abdul Rahman Aroff (1999) mensyaratkan bahawa kemoralan individu diperakui apabila ketiga-tiga Dimensi Etika Utama diaplikasikan dalam kehidupan seharian, pengkaji pula berpendapat bahawa watak Waheeda dalam novel Tirani berjaya mencapai semua kondisi yang mengiktiraf kemoralan dalam perwatakannya. Walaupun dimensi pentaakulan moral dan perasaan moral tidak melibatkan semua nilai murni KBSM memandangkan masing-masing telah mencatatkan sebanyak 9/16 dan 7/16 sahaja, watak Waheeda berjaya mencatatkan sebanyak 100peratus penonjolan nilai murni KBSM dalam pentaakulan moral iaitu sebanyak 16/16 nilai murni KBSM.

Pentaakulan moral merupakan dimensi yang terhasil daripada perilaku individu yang paling tinggi hierarkinya berbanding pentaakulan moral atau perasaan moral. Hal ini demikian kerana, pentaakulan moral lahir dari personaliti seseorang individu setelah berlaku proses pentaakulan moral dan perasaan moral dalam diri individu tersebut. Kesimpulannya, hasil kajian mendapati penonjolan watak utama dalam novel KOMSAS Tingkatan 5 berjudul Tirani ini telah menepati kehendak matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang sangat mengutamakan aspek afektif dan telah menepati matlamat pembelajaran KOMSAS itu sendiri sekali gus diperakui bahawa novel Tirani merupakan sebuah "*input*" atau bahan

pengajaran yang sangat relevan seperti yang ditekankan dalam sesebuah pelaksanaan kurikulum yang sebenar.

RUMUSAN

Demi mencapai semua objektif dan kepentingan kajian yang telah dinyatakan, setiap instrumen dan senarai semak diubahsuai dengan teliti dan telah pun mendapat penilaian dan kesahan pakar-pakar. Metodologi kajian dilaksanakan bertunjangan 16 nilai murni KBSM dan Tiga Dimensi Etika Utama yang terdiri daripada pentaakulan moral, perasaan moral, dan perlakuan moral. Hasil kajian yang berbentuk analisis dokumen ini diharap dapat memperakui novel KOMSAS Tirani yang digunakan dalam aliran pendidikan pada hari ini kerana benar-benar menepati kehendak kurikulum semasa.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2016, Mac 17). Ditemubual oleh NurulRaihana Abdullah. [Rakaman video]. Pengalaman sebagai bekas panel KOMSAS.Perak.
- Abdul Rahman Md Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori Etika Dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Beb Sabariah. (2008). *Tirani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, B. S., Krathwohl D. R., & Masia B. B. (1984). *Taxonomy of educational objectives: the classification of educational goals*, Volume 1. London: Longman Publishers.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000a). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu* (Edisi Penyesuaian). Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015).
- Surat pekeliling ikhtisas* Bil.12/2015: Penukaran teks komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan 2 dan tingkatan 5 mulai tahun 2016. *KP (KPPM)6/Jld.II(19)* 29 Disember 2015.
- Musa Daia. (1993) dalam Adnan Kamis, Penyelidikan: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas. Bangi: UKM.
- Nazarudin Zainun, Rahimah A. Hamid, MohdKipli Abdul Rahman & Noraini Idris. (2008). *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara. Jilid 1: Berasal dari Akar*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Raihana Abdullah. (2002). Nilai-nilai murni merentas kurikulum menerusi watak utama dalam novel Bagaimana Puteri. *Degree Dissertation*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Normie Anak Saba. (2002). Nilai murni dalam novel KOMSAS dan kaitannya dengan pembentukan sahsiah pelajar. *Degree Dissertation*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ratna Nyoman Kutha. (2004). *Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rozana Mohamed Zawawi. (2002). Nilai Murni Dalam Novel 'Seteguh Karang' Karya Tuan Faridah Syed Abdullah Dan Kaitannya Dengan Pembentukan Sahsiah Pelajar. *PhD Dissertation*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa*, Jld. 15 (1).
- Tyler, R.W. (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: The University of Chicago Press.

Stufflebeam, D. L dan Shinkfield A. J. (1985). *Systematic evaluation*. United States of America: Kluwer-Nijhoff Publishing.

Tyler, R.W. (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: The University of Chicago Press.